

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HBT 100 – PENGENALAN TEORI DAN PRAKTIK TERJEMAHAN**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian.
2. Jawab EMPAT soalan sahaja.
3. Jawab soalan dalam Bahagian A dan mana-mana TIGA soalan lain daripada Bahagian B.

Bahagian A

Soalan WAJIB dijawab.

1. Dengan merujuk kepada **Teks A**, jawab [a] dan [b].

- [a] Terjemahkan **Teks A** ke bahasa Malaysia.

**Teks A**

Rain said, pointing to the land-boat:

'Do they say this is our brother's?'

'It belongs to Ndulue Oji.'

'Man of our family?'

'True word.'

'So this world is ours?'

'Ahai!'

Rain stood thinking for a moment. Then coming to a decision he walked to the car, opened its back door and climbed in. 'Ahai,' he sighed trying the cushion, 'world that is good.'

'That is the way it is done,' said the herdsman, grinning.

'If my bottom were strong, I would do the same.'

Disesuaikan daripada: Nwankwo, N., 1964. **Danda**, London: Fontana, ms. 6

[15 markah]

- [b] Menurut Newmark (1991:11), teks kesusasteraan adalah antara teks yang perlu diterjemahkan menggunakan terjemahan semantik. Bincangkan kebenaran pendapat ini dengan merujuk kepada terjemahan yang telah anda lakukan dalam [a].

[10 markah]

...3/-

Bahagian B

Jawab mana-mana TIGA soalan daripada bahagian ini.

2. Baca Petikan 1.

**Petikan 1**

It is an established fact in Translation Studies that if a dozen translators tackle the same poem, they will produce a dozen different versions... (Bassnett-McGuire, 1991:26)

Bagaimanakah ciri-ciri unggul yang ada pada seseorang penterjemah dapat membantu seseorang menentukan produk terjemahan yang berkualiti daripada pilihan terjemahan yang ada? Bincangkan persoalan ini berdasarkan petikan di atas.

[25 markah]

3. Jawab [a] dan [b].

[a] Huraikan tentang aktiviti terjemahan pada zaman Abbasiyyah dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- [i] bidang ilmu yang diterjemahkan
- [ii] bahasa-bahasa yang terlibat
- [iii] kaedah terjemahan yang digunakan

[15 markah]

[b] Baca Petikan 2.

**Petikan 2**

Bible translators believe that even the so-called spiritual dimensions of a text can always be communicated, but this may require different types of expressions. For example, a Tzeltal Indian in southern Mexico can speak about 'faith' and 'trust' as 'hanging onto God with the heart', a phrase based on the manner in which massive vines cling to huge jungle trees. (Nida, dlm. Baker, 1998: 24)

Huraikan dua konsep dalam bidang terjemahan yang berkaitan dengan petikan di atas.

[10 markah]

...4/-

4. Jawab [a] dan [b].

[a] Dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan jenis-jenis persamaan berikut:

- [i] perkataan
- [ii] formal
- [iii] teks

[15 markah]

[b] **Teks B** dan **Teks C** di bawah adalah teks terjemahan sebenar (*authentic translations*). Untuk setiap teks tersebut lakukan:

- [i] penyuntingan tatabahasa teks
- [ii] terjemahan pragmatik dalam bahasa Inggeris
- [iii] terjemahan pragmatik dalam bahasa Malaysia

**Teks B**

The lift is being fixed for the next day. During that time we regret that you will be unbearable.

(Maklumat di lobi sebuah hotel di Bucharest)

[5 markah]

**Teks C**

If this is your first visit to USSR, you are welcome to it.  
(Di pintu bilik sebuah hotel di Moscow)

[5 markah]

5. Jawab [a] dan [b].

[a] Bincangkan konsep kepadaan (*adequacy*) dalam pendekatan fungsian (Nord, 1997).

[10 markah]